

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	PUNCA KEBAKARAN PUSAT KUALITI ALAM AKIBAT TINDAK BALAS BAHAN KIMIA
	SUMBER	BERNAMA ONLINE (13 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

PUNCA KEBAKARAN PUSAT KUALITI ALAM AKIBAT TINDAK BALAS BAHAN KIMIA



13/04/2024 04:33 PM

SEREMBAN, 13 April (Bernama) -- Kebakaran yang berlaku di Pusat Pengurusan Sisa Kualiti Alam berpunca daripada tindak balas bahan kimia di logistik (shed A) simpanan sisa bahan kimia berjadual di Cenviro Sdn Bhd Ladang Tanah Merah, A3 Division, Bukit Pelanduk, Port Dickson.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata kebakaran berlaku petang semalam membabitkan kawasan seluas 100x100 kaki persegi dan kerugian pihak syarikat dianggarkan sebanyak RM8 juta.

"Saya dimaklumkan kejadian berlaku di kawasan pengumpulan bahan sisa berjadual dan kebakaran tercetus hasil tindak balas kira-kira 160 kilogram bahan kimia klorida yang ada di situ.

"Sekarang ini pihak terlibat sedang memantau keadaan air, udara dan orang awam tidak perlu bimbang semuanya dalam keadaan baik dan terkawal," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata kebakaran itu kejadian ketiga berlaku di pusat berkenaan selepas kali pertama dilaporkan pada 2015 dan kali kedua pada 2019.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Cenviro Dr Johari Jalil berkata 86 pekerja di kilang berkenaan berada dalam keadaan selamat.

Beliau berkata kebakaran itu bermula di kawasan simpanan terpencil dan dapat dikawal oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan serta pasukan Kebakaran dan Hazmat Kualiti Alam sekitar 8.20 malam semalam,

"Ia hanya menjejaskan sebahagian kapasiti pergudangan dan tidak memberi kesan kepada operasi harian fasiliti Pusat Pengurusan Sisa (WMC) kami.

"Sebaik sahaja kebakaran dikesan, prosedur tindak balas kecemasan segera dilaksanakan oleh Pasukan Tindak Balas Kecemasan Kualiti Alam manakala 66 orang personel dari empat stesen JBPM negeri turut berada di tapak berkenaan," katanya.

Johari berkata Pasukan Kesihatan, Keselamatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) kilang itu terus memantau kualiti udara dan bacaan gas di tapak serta kawasan sekitar.

Semalam, dilaporkan kilang Cenviro Sdn Bhd berkeluasan 100x100 kaki persegi di Ladang Tanah Merah A3 Division, Bukit Pelanduk, Port Dickson musnah dalam kebakaran.

-- BERNAMA

2.	TAJUK	SAMPEL AIR SUNGAI BERHAMPIRAN KUALITI ALAM DIAMBIL SUSULAN KAMATIAN IKAN
	SUMBER	BH (16 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

'Sampel air sungai berhampiran Kualiti Alam diambil susulan kematian ikan'

Oleh [Ahmad Hasbi](#) - April 16, 2024 @ 11:16am
bhnews@bh.com.my



Veerapan bersama kakitangan JAS serta pengurusan Kualiti Alam meninjau anak sungai berdekatan tempat logistik simpanan sisa kimia yang musnah terbakar pada Jumaat lalu

SEREMBAN: Sampel air anak sungai berhampiran Pusat Pengurusan Sisa Kualiti Alam yang terbakar pada Jumaat lalu, diambil susulan aduan penemuan ikan mati di saluran itu semalam.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata kerajaan negeri mengarahkan siasatan rapi dijalankan berhubung aduan itu.

"Hari ini saya melakukan lawatan ke Kualiti Alam selepas mendapat aduan kejadian ikan mati di salah satu anak sungai. Tujuan lawatan ini juga adalah untuk memantau kemajuan terkini di Kualiti Alam.

"Sebagai Exco Perubahan Iklim, saya turut memantau dan siasatan kes ikan mati di anak sungai bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Veerapan berkata, pihaknya memberikan arahan kepada pihak berkaitan untuk memantau kualiti air dan udara di sekitar tapak kebakaran dan ambil tindakan yang sewajarnya.

"Lawatan dilakukan berdekatan dengan tapak kebakaran. Kertas siasatan dibuka selepas siasatan selesai dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

"Arahan dikeluarkan untuk mengambil sampel air untuk siasatan lanjut. Ketika siasatan berjalan, tiada isu berkaitan dengan kualiti air dan udara terjejas ditemui.

"Dengan langkah ini, diharapkan kita dapat menjamin kelestarian alam sekitar. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam lawatan dan siasatan ini," katanya.

Turut hadir ketika lawatan itu adalah pengurusan tertinggi Kualiti Alam diwakili Pengarah dan Pengarah Urusan Kumpulan Cenviro, Dr Johari Jalil dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah JAS Negeri Sembilan, Dr Nor Hazni bt Mat Sari.

Sebelum ini media melaporkan, tempat logistik simpanan sisa bahan kimia berjadual berkeluasan 100x100 kaki persegi di Pusat Kualiti Alam itu terbakar 100 peratus dalam kejadian pada petang Jumaat.

3.	TAJUK	SABAH MONITORING EFFECTS OF GUNUNG RUANG ERUPTION
	SUMBER	NST ONLINE (18 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Sabah monitoring effects of Gunung Ruang eruption

By [Paul Mu](#) - April 18, 2024 @ 4:54pm



The Sabah government is monitoring the effects of the eruption of Indonesia's Gunung Ruang closely, said Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor. BERNAMA PIC

KOTA KINABALU: The Sabah government is monitoring the effects of the eruption of Indonesia's Gunung Ruang closely, said Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor.

"I have been briefed about the situation and we are keeping tabs. We prioritise the safety of the people," he said.

More than 20,000 passengers have been affected by the suspension of flights in and out of Kota Kinabalu, Labuan, Tawau and Sandakan today.

Sabah Tourism, Culture and Environment Minister Datuk Christina Liew urged people affected by the suspension of flights, including tourists, to be patient.

Gunung Ruang's eruption shot ash plumes nearly 70,000ft into the air, she said.

"Be patient. The magnitude of the phenomenon was unforeseen and beyond our control.

"The government is monitoring the situation closely," said Liew.

4.	TAJUK	SWITCH FROM SINGLE-USE PLASTICS TO REUSABLE ONES
	SUMBER	NST ONLINE (19 APRIL 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE

Switch from single-use plastics to reusable ones

April 19, 2024 @ 12:01am



Single-use plastic is one of the main contributors to climate change. - NSTP file pic

LETTERS: EVERY minute, some one million plastic bottles are bought. Each year, plastic kills 100,000 marine animals. It is believed that Malaysians consume some nine billion plastics annually, with a huge amount ending up in our oceans.

According to Dutch academic Lourens J.J. Meijer, Malaysia is among the top contributors of plastic pollution in the ocean, ranking third in the world.

A World Wildlife Fund 2022 report said Malaysians used 16.8kg of plastic packaging per person annually. Malaysia, which is rated as the eighth most polluted country in the world, has seen a significant increase in environmental issues associated with plastic waste.

It is estimated that between 0.14 and 0.37 million tonnes of improperly handled plastic garbage from Malaysia end up in the ocean. This is on top of the 0.94 million tonnes of plastic garbage that the nation produces.

One of the primary contributors to climate change is single-use plastics.

Firstly, they are made from fossil fuels, so enormous volumes of greenhouse gases, including carbon dioxide and methane, are released into the atmosphere during the production of these plastics. These emissions exacerbate climate change by adding to the rise in greenhouse gas concentrations.

Second, carbon is emitted during the transportation of raw materials to plastic manufacturing facilities and during the distribution of plastic products to end users. This includes emissions from transportation, like trucks, ships and airplanes.

Third, single-use plastics that are thrown away frequently end up in landfills, where their oxygen-starved decomposition releases methane. The strong greenhouse gas methane has a much greater short-term potential for global warming than carbon dioxide.

Fourth, some disposable plastics are burnt to manage waste. Air pollution and climate change are exacerbated by incineration, which releases carbon dioxide and other pollutants into the atmosphere.

Fifth, ecosystems and biodiversity are impacted by climate change. Plastic pollution further upsets ecosystems and endangers wildlife, which in turn can further upset carbon cycles and intensify climate change.

One way to reduce the impact of single-use plastics on climate change is to reduce their production and consumption.

Take steps like cutting back on the use of plastic, encouraging the use of reusable alternatives, putting efficient waste management plans into place and switching to more environmentally friendly products and procedures.

Malaysia needs to switch from single-use plastic bags to reusable ones to fulfil its 2030 environmental goals and create a more sustainable and healthy environment.

DR RULIA AKHTAR

Research fellow

**Ungku Aziz Centre for Development Studies, Office of Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation),**

Universiti Malaya

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**